

Kokurikulum Membina Generasi Holistik: Penglibatan Dalam Aktiviti Kokurikulum Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar Kolej Komuniti Seberang Jaya

B.Chitthra A/P Balakrishnan

Kolej Komuniti Seberang Jaya, Malaysia

Saiful Anuar Bin Mohamad

Kolej Komuniti Seberang Jaya, Malaysia

Mohamed Farid Bin Razali

Kolej Komuniti Seberang Jaya, Malaysia

Abstrak

Kajian ini bertitik tolak daripada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) (PPPM (PT)) yang telah menggariskan 10 tonggak utama dan dua daripadanya adalah melahirkan graduan holistik dan graduan TVET yang berkualiti di mana Kementerian Pendidikan Tinggi akan memastikan Kolej Komuniti dapat memperbanyakkan program membina sahsiah serta intelek pelajar di samping memiliki akademik yang cemerlang. Rentetan itu, pihak Kolej Komuniti telah merangka pelbagai kaedah dan cara bagi memastikan objektif di atas tercapai. Salah satu daripadanya adalah ciri-ciri kurikulum yang disediakan adalah menjurus kepada pembelajaran aktif di luar kelas iaitu menerapkan subjek kokurikulum bagi semua kursus diploma dan sijil yang ditawarkan di Kolej Komuniti. Pendekatan ini akan digunapakai di dalam tempoh pengajian. Namun yang menjadi isunya adalah kemerostoon pencapaian akademik pelajar yang tidak aktif dalam aktiviti kokurikulum serta kekurangan minat segelintir pelajar untuk menyertai kegiatan luar kelas. Ini dapat dilihat sendiri oleh pensyarah Kolej Komuniti Seberang Jaya di mana pelajar-pelajar yang aktif dalam kegiatan kokurikulum dapat menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam akademik sebaliknya pelajar yang kurang aktif terus ketinggalan dalam pelajaran dan gagal memperoleh gred yang dibanggakan. Ini kerana mereka sentiasa kelihatan tidak aktif dan lesu dalam mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Pada masa yang sama mereka enggan menyertai segala kegiatan luar kelas yang dirancang oleh pihak kolej. Justeru tujuan utama kajian tindakan ini adalah untuk mengenal pasti keberkesanan modul kokurikulum (MPU 1421) yang dirangka oleh Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti dalam mengalakkan pelajar Kolej Komuniti Seberang Jaya menyertai aktiviti kokurikulum dan hubungannya dengan pencapaian akademik pelajar. Kajian ini mensasarkan pelajar-pelajar sijil dan diploma Kolej Komuniti Seberang Jaya seramai 76 orang. Kajian ini tertumpu kepada pelajar-pelajar yang mengambil subjek kokurikulum pada semester lepas iaitu sesi mac 2018. Data kajian yang diperolehi berbentuk kuantitatif yang menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian dengan nilai Alpha Cronbach 0.883. Dengan merujuk kepada sumber Landell, hasil dapatan kajian untuk objektif yang pertama mendapati tahap penglibatan pelajar Kolej Komuniti Seberang Jaya dalam aktiviti kokurikulum berada pada tahap yang sederhana iaitu dengan nilai skor min 3.10. Di samping itu, terdapat juga hubungan yang signifikan antara tahap penglibatan pelajar Kolej Komuniti Seberang Jaya secara aktif dalam bidang kokurikulum dengan pencapaian akademik di mana nilai korelasi yang diperolehi adalah $0.01 < 0.05$ dengan diambil kira taburan data adalah normal maka H_0 berjaya ditolak. Justeru pihak kolej dan pihak yang berkaitan perlu mengambil inisiatif yang efisien dalam menangani keadaan kurang minat dalam

kalangan pelajar Kolej Komuniti Seberang Jaya untuk lebih aktif dalam kegiatan kokurikulum. Perkara ini dapat disokong melalui modul kokurikulum yang merupakan pelengkap kepada kursus akademik.

Kata Kunci : penglibatan kokurikulum, pencapaian akademik

1. Pengenalan

Aktiviti kokurikulum dalam kalangan pelajar dititikberatkan dewasa kini seiring dengan perkembangan sistem pendidikan negara. Banyak kajian telah dijalankan mengenai keberkesanan kokurikulum dalam membantu membentuk peribadi pelajar dan dalam masa yang sama turut membantu meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Gabungan antara kurikulum dan kokurikulum atau intelek dan fizikal akan membantu remaja untuk bertindak dengan lebih tersusun di dalam merancang aktiviti harian mereka. Ini kerana, gabungan antara kognitif, afektif dan psikomotor akan membolehkan seseorang menjadi remaja yang unggul yang mampu menerajui kepimpinan pada masa akan datang kerana tuntutan semasa memerlukan remaja mempunyai kualiti diri yang tinggi (Wardatul Aishah *et.al.*, 2014). Walaubagaimanapun, hasrat negara untuk melahirkan remaja yang seimbang dan mengembangkan potensi individu secara menyeluruh adalah merupakan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang telah digariskan oleh sistem pendidikan negara. Justeru, pelaksanaannya akan berubah mengikut keperluan dan peredaran semasa. Matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan ini adalah cukup sempurna dalam menyeimbangkan antara faktor ilmu, fizikal, akhlak dan sumbangan kepada keharmonian negara (Othman, *et.al.*, 2016).

Hubungan aktiviti kokurikulum amat jelas dapat menambah pengalaman penting dan memberi impak terhadap kemahiran dan pencapaian pelajar (Zainal Ariffin Zainuddin, *et.al.*, 2016). Pelajar yang terlibat dengan aktiviti kokurikulum membolehkan mereka menggunakan segala kemahiran yang ada bagi menjalankan sesuatu aktiviti dan ini secara tidak langsung akan membolehkan mereka mengetengahkan bakat dan potensi diri untuk digilap supaya menjadi lebih baik pada masa akan datang dan mampu bersaing dengan rakan sebaya yang mempunyai pengalaman serta pengetahuan yang berbeza di antara satu sama lain (Wardatul Aishah Musa, 2014). Penyertaan pelajar dalam sebarang aktiviti kokurikulum memberikan pelajar peluang untuk membangunkan bakat dan minat mereka di luar persekitaran bilik darjah yang formal. Pelbagai sumber dan contoh telah dikemukakan untuk membuktikan bahawa kepentingan kokurikulum sebagai wadah paling sesuai dan realistik untuk membangunkan pelajar yang holistik serta berfikir di luar kotak pemikiran (Ahmad Esa, *et.al.*, 2015). Transformasi yang dilalui oleh kegiatan kokurikulum bermula hanya untuk memenuhi masa lapang, memupuk perpaduan antara kaum, menjaga kesihatan, pelengkap kurikulum dan membangunkan kemahiran insaniah telah menjadi cabaran yang besar

kepada dunia pendidikan di negara kita (Zainal Ariffin Zainuddin, *et.al.*,2016). Di luar negara, aktiviti kokurikulum turut ditekankan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sebagai contoh, Kingston International College di Australia menyediakan pelbagai aktiviti kokurikulum untuk disertai oleh pelajar- pelajarnya pada cuti semester. Ini, bermaksud, proses pembelajaran berlaku sepanjang tempoh pembelajaran walaupun pada masa cuti. Oleh itu, pelajar dapat menambah kemahiran serta pengetahuan yang tidak dapat dipelajari di dalam kelas pada waktu cuti tanpa rasa tertekan di samping mengelakkan pelajar-pelajarnya menghabiskan cuti dengan aktiviti yang tidak berfaedah (Ahmad Esa *et al.*, 2015). Pembelajaran tidak cukup dengan hanya apa yang dipelajari di dalam kelas semata. Pelajar harus diberi kebebasan untuk meneroka dan berinteraksi dengan alam sekitar supaya mereka lebih mengetahui peranan sebagai seorang pelajar dan remaja kepada masyarakat dan negara. Penilaian yang berasaskan gred dan yang terlalu berorientasikan sistem peperiksaan bertulis dan proses pembelajaran pasif yang berpusatkan pensyarah dikatakan menjadi halangan kepada proses pembelajaran yang efektif dan penguasaan kemahiran insaniah (Othman, N *et al.*, 2016). Pada tahun 1956, Laporan Razak merencanakan suatu sistem pendidikan kebangsaan yang menjamin tempat di sekolah untuk semua kanak-kanak tanpa mengira etnik atau latar belakang sosioekonomi, dan menyediakan persekitaran pembelajaran yang menghargai perpaduan dalam kepelbagaian. Pada tahun 1979, Laporan Jawatankuasa Kabinet mengkaji pelaksanaan dasar pelajaran. Laporan ini juga menegaskan semula matlamat Malaysia terhadap sistem pendidikan berfokuskan pendidikan murid secara holistik, dan menyediakan negara untuk masa depan (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025). Justeru peranan kokurikulum sebagai salah satu agen pembangunan modal insan secara holistik memerlukan keseimbangan antara akademik dan sahsiah. Pencapaian cemerlang murid dalam bidang akademik dan kokurikulum memainkan peranan penting melahirkan individu kreatif , inovatif dan berketrampilan. Pelajar cemerlang juga boleh dikategori sebagai individu yang mempunyai keputusan akademik yang baik, berkesungguhan dalam bidang kokurikulum dan sukan, berdisiplin serta tidak mudah terjebak dalam kegiatan tidak sihat. Di samping itu penglibatan aktif dalam bidang kokurikulum akan memberikan kecergasan kepada seseorang murid semasa mengikuti sesi pembelajaran dalam kelas (Utusan Online, 2017).

2. Pernyataan Masalah

Kajian ini bertitik tolak daripada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) (PPPM (PT)) yang telah menggariskan 10 tonggak utama dan dua daripadanya adalah melahirkan graduan holistik dan garduan TVET yang berkualiti di mana Kementerian Pendidikan Malaysia akan memastikan kolej komuniti dapat memperbanyakkan program membina sahsiah serta intelek pelajar di samping memiliki

akademik yang cemerlang. Rentetan itu, pihak kolej komuniti telah merangka pelbagai kaedah dan cara bagi memastikan objektif di atas tercapai. Salah satu daripadanya adalah ciri-ciri kurikulum yang disediakan adalah menjurus kepada pembelajaran aktif di luar kelas iaitu menerapkan subjek kokurikulum bagi semua kursus diploma dan sijil yang ditawarkan di kolej komuniti. Pendekatan ini akan digunapakai di dalam tempoh pengajian. Ini dapat memberi fokus kepada pelbagai jenis tahap akademik pelajar dan sesuai dengan sasaran kolej komuniti. Namun yang menjadi isunya adalah kemerostoon pencapaian akademik pelajar yang tidak aktif dalam aktiviti kokurikulum serta kekurangan minat segelintir pelajar untuk menyertai kegiatan luar kelas. Ini dapat dilihat sendiri oleh pensyarah Kolej Komuniti Seberang Jaya di mana pelajar-pelajar yang aktif dalam kegiatan kokurikulum dapat menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam akademik sebaliknya pelajar yang kurang aktif terus ketinggalan dalam pelajaran dan gagal memperoleh gred yang dibanggakan. Ini kerana mereka sentiasa kelihatan tidak aktif dan lesu dalam mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Pada masa yang sama mereka enggan menyertai segala kegiatan luar kelas yang dirancang oleh pihak kolej komuniti.

3. Tujuan

Kajian tindakan ini adalah bagi mengenal pasti tahap keberkesanan modul kokurikulum (MPU 1421) yang dirangka oleh Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti dalam mengalakkan pelajar Kolej Komuniti Seberang Jaya menyertai aktiviti kokurikulum dan hubungannya dengan pencapaian akademik pelajar.

4. Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk memenuhi objektif-objektif berikut:

- i. Mengetahui tahap penglibatan pelajar Kolej Komuniti Seberang Jaya dalam aktiviti kokurikulum.
- ii. Mengetahui hubungan antara penglibatan pelajar secara aktif dalam bidang kokurikulum dengan pencapaian akademik.

5. Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian ini adalah:

H1: Terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penglibatan pelajar Kolej Komuniti Seberang Jaya secara aktif dalam bidang kokurikulum dengan pencapaian akademik.

H0: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penglibatan pelajar Kolej Komuniti Seberang Jaya secara aktif dalam bidang kokurikulum dengan pencapaian akademik.


6. Skop Kajian

Kajian ini mensasarkan pelajar-pelajar sijil dan diploma Kolej Komuniti Seberang Jaya seramai 76 orang pelajar. Kajian ini tertumpu kepada pelajar-pelajar yang mengambil subjek kokurikulum pada semester lepas iaitu sesi Mac 2018.

7. Kepentingan Kajian

Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti telah mengenal pasti modul kokurikulum adalah merupakan alat yang mampu untuk mebangunkan kemahiran insaniah pelajar selain daripada ilmu-ilmu yang diperolehi di dalam bilik kuliah. Justeru kajian ini dapat membantu pihak yang bertanggungjawab menambah baik kurikulum di Kolej Komuniti dengan memenuhi semua faktor yang mempengaruhi tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum dan hubungannya dengan pencapaian akademik mereka. Kajian ini turut dapat meningkatkan kefahaman pihak yang bertanggungjawab terutamanya tenaga pengajar agar dapat menolong mereka dalam usaha meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran mereka untuk modul kokurikulum. Di samping itu, boleh dijadikan sebagai refleksi dan panduan kepada pensyarah untuk mengubahsuai teknik penyampaian serta memperbanyakkan program di bawah modul kokurikulum bagi mempertingkatkan lagi mutu dan kualiti pencapaian akademik pelajar.

8. Kerangka Teori



(Diubahsuai dari Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi 2015-2025)

9. Sorotan Kajian

9.1 Kokurikulum di dalam aktiviti pembelajaran

Ilmu yang dipelajari secara praktikal akan lebih dihayati oleh remaja berbanding dengan ilmu yang diperolehi secara teori kerana pengalaman yang diperolehi akan memberikan impak yang besar kepada diri remaja. Keterlibatan dan keaktifan pelajar dalam bidang kokurikulum akan menjadikan pelajar tersebut selangkah lebih maju berbanding dengan mereka yang tidak aktif. Pelajar harus diberi kebebasan untuk meneroka dan berinteraksi dengan alam sekitar supaya mereka lebih mengetahui peranan sebagai seorang pelajar dan remaja kepada masyarakat dan negara. Penilaian yang berasaskan gred dan yang terlalu berorientasikan sistem peperiksaan bertulis dan proses pembelajaran pasif yang berpusatkan pensyarah dikatakan menjadi halangan kepada proses pembelajaran yang efektif dan penguasaan kemahiran insaniah. Pembelajaran berpusatkan pelajar adalah dituntut seiring dengan pembaharuan di dalam sistem pendidikan negara. Selain itu, aktiviti kurikulum di dalam kelas dan penglibatan remaja di dalam aktiviti kokurikulum di luar kelas merupakan gandingan yang sempurna dalam

membentuk sahsiah remaja dan menerapkan nilai-nilai murni di dalam kehidupan mereka. Pembentukan sahsiah dan nilai-nilai murni dalam kehidupan remaja boleh diperkukuhkan dengan kegiatan-kegiatan kokurikulum. Justeru, keseimbangan akan dapat dicapai melalui penglibatan remaja di dalam aktiviti kokurikulum dan juga aktiviti kurikulum yang digariskan oleh pihak sekolah. Remaja yang terlibat dengan aktiviti kokurikulum membolehkan mereka menggunakan segala kemahiran yang ada bagi menjalankan sesuatu aktiviti dan ini akan membolehkan mereka mencungkil bakat dan potensi diri untuk diketengahkan dan digilap supaya menjadi lebih baik pada masa akan datang (Othman, N *et al.*, 2016).

9.2 Kokurikulum membentuk modal insan secara holistik

Pembangunan modal insan yang menyeluruh menuntut institusi pengajian tinggi menyediakan pengalaman pembelajaran yang bermakna dan seimbang agar kehidupan di kampus dapat melonjakkan kecemerlangan akademik dan juga perkembangan sahsiah pelajar. Perkara ini dapat disokong melalui kursus kokurikulum yang merupakan pelengkap kepada kursus akademik (Jamaludin Haji Badusah, *et al.*, 2009). Penggabungan antara ilmu pengetahuan dan aktiviti praktikal akan menjadikan pembentukan remaja yang sempurna secara menyeluruh. Aspek kokurikulum atau pembelajaran di luar kelas penting untuk membina pembangunan diri secara holistik. Beberapa penyelidik telah mendapati terdapatnya korelasi yang positif antara aktiviti kokurikulum dengan kecemerlangan pembelajaran (Hanks & Eckland, 1976). Keterlibatan remaja di dalam aktiviti kokurikulum akan membolehkan mereka lebih mengenali diri sendiri sekaligus akan merangsang untuk turut mengenali persekitaran mereka. Ini kerana aktiviti kokurikulum membantu remaja untuk bersosial bersama kawan-kawan dan masyarakat sekaligus, menjadikan mereka lebih mudah untuk didekati dan bersifat terbuka apabila ditegur sekiranya melakukan kesilapan atau terdapatnya kekurangan semasa menjalankan sebarang aktiviti. Pembangunan holistik dalam diri remaja adalah dituntut seiring dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang mahukan pelajar-pelajar yang akan dihasilkan bersifat seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan spiritual. Berakhlak mulia dan memiliki sahsiah yang seimbang dan sepadu merupakan faktor yang menyumbang kepada terhasilnya warganegara yang baik. Tambahan pula, matlamat kerajaan dalam melahirkan masyarakat yang seimbang antara ilmu dan kemahiran menjadikan remaja kini perlu menjadi modal insan yang sempurna bagi meneruskan legasi keamanan dan kepimpinan negara (Othman, N *et al.*, 2016).

9.3 Teori Kognitif

Gagne (1970) yang merupakan salah seorang daripada tokoh teori kognitif yang juga dikenali sebagai teori Gestalt mendefinisikan pembelajaran sebagai perubahan tingkah laku atau kebolehan seseorang yang dapat dikekalkan, tidak termasuk perubahan yang disebabkan oleh proses pertumbuhan. Daripada hasil kerja Gagne dan beberapa tokoh teori kognitif ini, Kidd (1973) telah mengutarakan pendapat tentang kepentingan pengaruh konsep learning how to learn. Konsep ini telah diterokai dengan mendalam oleh Smith (1982, 1987), yang mana beliau lebih berminat dalam mengaplikasi konsep tersebut terhadap pembelajaran orang dewasa. Pernyataan ini disokong oleh Faisal Mohamad (2003) yang menyatakan tenaga pengajar perlu berperanan sebagai pencetus pemikiran pelajar. Peranan ini menjadi amat penting kerana tenaga pengajar akan menjadi pembimbing untuk memandu pelajar menjalankan pembelajaran sendiri melalui konsep *self-paced*, *self-directed*, dan *self-assessed*.

9.4 Teori Tingkah Laku

Tingkah laku ialah sesuatu yang dilakukan oleh organisma melalui pembelajaran. Di mana, perubahan tingkah laku akan menentukan sama ada organisma itu telah mempelajari sesuatu yang baru, sama ada positif ataupun negatif. Tingkahlaku juga melibatkan apa jua aktiviti yang dapat diperhatikan, direkod dan diukur. Proses mental merangkumi segala proses-proses yang terlibat dengan pemikiran, ingatan, pembelajaran, sikap, emosi dan sebagainya. Inilah menjadi tumpuan ahli-ahli psikologi tetapi masalahnya ialah proses-proses ini tidak boleh dilihat dan sukar direkod dan mengukur dengan tepat. Oleh pada tahun 60an, ahli-ahli enggan menerima kajian mengenai proses-proses ini kerana ia tidak boleh dijalankan secara saintifik (Bushro Ali, 2003).

9.5 Penglibatan Pelajar Secara Aktif Dalam Aktiviti Kokurikulum Dan Kesannya Keatas Pencapaian Akademik. Satu Tinjauan Di Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Nanas, Pontian

Kajian ini cuba melihat sejauh mana penglibatan pelajar secara aktif dalam bidang kokurikulum memberi kesan kepada tahap pencapaian pelajar dalam bidang akademiknya. Ianya dilihat dari beberapa aspek tertentu seperti peringkat penglibatan, sikap pelajar terhadap aktiviti yang dirancang, pengurusan masa, minat dan tanggungjawab mereka terhadap kegiatan kokurikulum dan pencapaian akademik mereka. Kajian ini dilaksanakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Nanas yang mempunyai pelajar seramai 1035 orang yang terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan peralihan hingga ke tingkatan lima. Populasi kajian diambil dari sekolah ini seramai 190 orang, tetapi hanya pelajar yang menyertai tidak kurang dari empat jenis aktiviti dalam kegiatan kokurikulum yang diambil sebagai sampel. Data-data yang didapati,

diproses dengan menggunakan ‘*Statistical Package For Social Sciences*’ (SPSS). Setiap bentuk item dianalisis dan dipersembahkan dalam bentuk jadual. Terdapat juga analisis yang dilakukan secara manual. Setiap analisis yang dipersembahkan adalah dalam bentuk kekerapan dan peratusan. Pengkaji mendapati pelajar-pelajar yang aktif dalam aktiviti kokurikulum juga mempunyai pencapaian yang baik dalam akademik. Aktiviti-aktiviti yang disertai oleh pelajar-pelajar tersebut tidak memberi kesan yang negatif terhadap pencapaian akademik mereka (Aminudin Abdul Rahman, 2004).

9.6 Pengurusan Kokurikulum Dan Tahap Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum Di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Kuala Terengganu

Pengetua merupakan individu penting yang bertanggungjawab menguruskan hal ehwal berkaitan kokurikulum. Namun begitu pengetua sering terikat dengan kerja-kerja rutin dalam mentadbir dan mengurus sekolah. Dalam usaha untuk meningkatkan pengurusan kokurikulum sekolah biasanya pengetua akan menyerahkan tugas pengurusan kokurikulum kepada GPKKo. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan memahami perspektif guru-guru terhadap peranan GPKKo dalam pengurusan kokurikulum di sekolah menengah kebangsaan di daerah Kuala Terengganu. Peranan GPKKo dikaji berdasarkan aspek-aspek pengurusan GPKKo sebagai perancang, pengelola, pemimpin dan pengawal kokurikulum di sekolah. Kajian juga untuk mengenal pasti penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum berdasarkan dimensi, interaksi psikologi dan juga interaksi fizikal. Sampel kajian terdiri daripada 171 orang guru yang sedang berkhidmat di dua buah sekolah menengah kebangsaan di daerah Kuala Terengganu. Analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai digunakan untuk melaporkan hasil kajian yang telah dijalankan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pentingnya peranan GPKKo di sekolah mempraktikkan peranan pengurusan kokurikulum yang berkesan, agar para guru dan pelajar akan lebih bermotivasi dalam memastikan kejayaan pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah. Ianya selaras dengan inspirasi negara sepertimana yang terkandung di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2015 (Zainal Ariffin Zainuddin, 2016).

9.7 Peranan Kokurikulum Di Universiti Dalam Membentuk Keterampilan Mahasiswa

Kokurikulum merupakan aktiviti berfaedah yang mendatangkan banyak manfaat kepada pelajar. Walau bagaimanapun, kajian mengenai keterampilan pelajar melalui penglibatan dalam aktiviti kokurikulum

kurang diberi perhatian. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap keterampilan dalam kalangan Pelajar Tahun Akhir Semester 1 2008/2009 Fakulti Pendidikan Teknikal, UTHM melalui penglibatan dalam mata pelajaran kokurikulum. Keterampilan pelajar dilihat dari tiga faktor penyumbang iaitu penglibatan pelajar, peranan pensyarah / jurulatih dan infrastruktur. Skop kajian ini melibatkan empat aspek keterampilan iaitu kemahiran komunikasi, kepimpinan, bekerja dalam kumpulan dan penampilan diri yang kemas. Sampel kajian adalah seramai 107 orang. Reka bentuk kajian ini merupakan kaedah tinjauan kuantitatif. Instrumen yang digunakan ialah borang soal selidik dan hasil dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistic Package for Social Science* (SPSS) versi 11.0 untuk mendapatkan statistik deskriptif seperti kekerapan, min dan peratus. Keputusan yang diperolehi mendapati bahawa tahap keterampilan pelajar setelah mengikuti mata pelajaran kokurikulum adalah tinggi. Dapatan kajian untuk peranan pensyarah / jurulatih dan kemudahan infrastruktur juga adalah tinggi bagi meningkatkan keterampilan diri pelajar melalui aktiviti kokurikulum. Dapatlah disimpulkan daripada kajian ini bahawa aktiviti kokurikulum yang disertai oleh pelajar mampu meningkatkan keterampilan diri dalam usaha untuk melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran sebelum menempuh alam pekerjaan yang lebih mencabar (Ahmad Esa & Hisham Jamaludin, 2009).

9.8 Kokurikulum Di Dalam Sistem Pendidikan Di Malaysia : Satu Tinjauan Awal

Kokurikulum adalah satu agenda penting yang menyumbang kepada pembentukan modal insan yang bersifat holistik merangkumi aspek Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek (JERI). Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menjadikan kokurikulum sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan negara. Berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan, kokurikulum turut memberi impak kepada pencapaian akademik pelajar. Artikel ini akan membincangkan mengenai dasar pendidikan negara berkaitan dengan kokurikulum dalam pendidikan (Othman, N *et al.*, 2016).

9.9 Kesedaran Kendiri Terhadap Aktiviti Kokurikulum Dan Keberkesanannya Kepada Remaja

Artikel ini membincangkan mengenai kesedaran sendiri remaja terhadap aktiviti kokurikulum dalam membentuk sahsiah mereka. Selain itu, artikel ini turut membincangkan mengenai teras kokurikulum yang telah digariskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) kepada remaja yang masih menuntut di institusi pengajian tinggi serta keberkesanan kokurikulum dalam membentuk sahsiah remaja termasuk kajian-kajian yang telah dilakukan berkaitan dengan aktiviti kokurikulum. Artikel ini

turut menyentuh mengenai sistem pendidikan negara pada masa kini (Wardatul Aishah & Nooraini Othman, 2014).

10. Reka Bentuk Kajian

Kajian dijalankan dengan menggunakan strategi kajian jenis diskriptif berbentuk tinjauan. Melalui kaedah ini, penilaian terhadap tahap penglibatan kokurikulum dari segi skor min dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Seberang Jaya dapat dikaji. Hubungan antara penglibatan pelajar secara aktif dalam bidang kokurikulum dengan pencapaian akademik turut dikaji melalui ujian analisis korelasi.

11. Populasi dan Sampel

Responden dalam kajian ini adalah meliputi pelajar Kolej Komuniti Seberang Jaya yang terdiri daripada Kursus Sijil Pemasangan Elektrik (SKE), *Certificate of Industrial Internet of Thing* (CIO) dan *Diploma In Electrnics Instrumentation* (DEI) yang mengambil subjek kokurikulum bagi semester sesi mac 2018. Seramai 76 orang pelajar telah dipilih secara rawak untuk menjawab instrumen soal selidik yang diedarkan.

12. Instrumen Kajian

Soal Selidik merupakan satu instrumen yang digunakan bagi memperolehi maklumat secara langsung daripada responden berhubung sesuatu perkara yang dikaji oleh pengkaji. Dalam kajian ini, pengkaji membina item-item dalam soal selidik berdasarkan kepada aspek penglibatan pelajar dalam bidang kokurikulum. Borang soal selidik yang digunakan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:

1. Bahagian A-Demografi
2. Bahagian B-Soal selidik untuk tahap penglibatan pelajar dalam bidang kokurikulum.

Bahagian A mempunyai 4 soalan. Bahagian A dalam borang soal selidik yang diedarkan meminta responden menjawab soalan-soalan dengan menandakan (/) pada jawapan yang dirasakan sesuai berbanding jawapan-jawapan lain. Manakala Bahagian B mengandungi 21 soalan, responden dikehendaki membulatkan jawapan yang dipilih dan skala yang digunakan adalah skala likert. Menurut Mohamad Najib (1999), skala Likert ini mengkehendaki responden menandakan jawapan tentang sesuatu kenyataan berdasarkan satu skala kepada skala yang lain. Kaedah ini dipilih kerana ia dapat menilai atau mengkaji tahap ketinggian atau

kerendahan melakukan perkara yang disoal dalam borang soal selidik. Skala Likert yang digunakan dalam borang soal selidik dalam Jadual 12.1.

13. Kajian Rintis

Satu kajian rintis telah dijalankan dengan mengambil 10 orang responden yang dipilih secara rawak sebelum kajian sebenar dijalankan. Menurut Mohamad Najib (1999), saiz sampel kajian rintis tidak perlu besar tetapi memadai untuk memenuhi tujuan perbincangan awal yang berkesan tentang ujian (6-9 orang). Tujuan kajian rintis ini dijalankan adalah untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik. Hasil kajian rintis yang dijalankan terhadap 10 orang responden menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.883. Jadi kebolehpercayaan borang soal selidik yang dibina adalah tinggi. Jadual 13.1 menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang dijalankan terhadap 10 orang responden.

14. Analisis Data dan Dapatan Kajian

Data yang diperolehi melalui borang soal selidik yang telah diedarkan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS) Version 20* untuk mendapatkan data dalam bentuk min dan peratusan. Hasil dapatan bagi latar belakang 76 responden dipersembahkan menggunakan jadual taburan kekerapan. Beberapa faktor seperti jantina, umur, program, keputusan peperiksaan serta tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum telah dikaji menggunakan analisa deskriptif. Manakala dapatan kajian yang melibatkan skor min ditakrifkan berdasarkan kepada Sumber *Landell 1977*.

Jadual 14.1 menunjukkan taburan kekerapan responden mengikut jantina. Berdasarkan jadual di atas, majoriti responden terdiri daripada golongan lelaki iaitu seramai 63 orang, melebihi 50 orang berbanding golongan perempuan iaitu seramai 13 orang responden sahaja.

Jadual 14.2 menunjukkan taburan kekerapan responden mengikut umur. Berdasarkan jadual di atas, majoriti responden terdiri daripada umur 19-20 tahun iaitu seramai 59 orang. Manakala lingkungan umur 21-24 tahun adalah seramai 17 orang.

Jadual 14.3 pula menunjukkan taburan kekerapan responden mengikut program. Berdasarkan jadual di atas, majoriti responden terdiri daripada program SKE iaitu seramai 47 orang. Manakala program CIO adalah

seramai 10 orang pelajar dan DEI adalah seramai 19 orang pelajar. Taburan kekerapan responden ini adalah berdasarkan kepada enrolmen terkini bagi program yang menawarkan subjek kokurikulum (MPU 1421).

Jadual 14.4 menunjukkan taburan kekerapan responden mengikut keputusan terkini. mengikut jadual di atas, majoriti responden mendapat keputusan HPNM dalam lingkungan 3.00-4.00 iaitu adalah sebanyak 92.1 % pelajar dan diikuti hanya 6 orang pelajar mewakili kumpulan HPNM 2.00-2.99. Tiada responden yang memilik HPNM dalam lingkungan 0-1.99.

15. Analisis Data Bahagian B

Analisis kajian yang dijalankan pada Bahagian B adalah merujuk kepada objektif kajian 1 iaitu mengenal pasti tahap penglibatan pelajar Kolej Komuniti Seberang Jaya dalam aktiviti kokurikulum. Domain yang digunakan untuk mengkaji tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum adalah melalui Teori Resornberg Hovland 1963, iaitu dari segi aspek kognitif (pemikiran), psikomotor (tindakan) dan afektif (perasaan yang dilahirkan secara verbal).

15.1 Dapatan Kajian Tahap Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum

Dapatan kajian yang diperoleh adalah dari segi skor min bagi setiap satu domain item yang dikaji. Jadual 15.1 menunjukkan taburan skor min bagi setiap satu item domain yang dikaji bagi memenuhi objektif pertama kajian ini. Semua item mencatatkan skor min pada tahap tinggi. Ini kerana menurut sumber *Landell* skor min di antara 2.40-3.79 adalah merupakan tahap kecenderungan yang sederhana. Skor min keseluruhan bagi tahap penglibatan pelajar Kolej Komuniti Seberang Jaya dalam aktiviti kokurikulum adalah sebanyak 3.10 turut berada pada tahap sederhana. Ini menunjukkan pelajar Kolej Komuniti Seberang Jaya kurang aktif dalam aktiviti kokurikulum. Saranan Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti yang meyatakan modul kokurikulum mampu mebangunkan kemahiran insaniah pelajar selain daripada ilmu-ilmu yang diperolehi di dalam bilik kuliah harus direalisasikan dengan mengubahsuai kandungan modul kokurikulum untuk menarik lebih ramai pelajar menyertai program luar kelas. Bagi menjawab objektif kedua nilai korelasi yang diperolehi adalah 0.01(sigdengan diambilkira data adalah normal. Jika nilai korelasi <0.05 maka H_0 ditolak dan H_1 diterima. Dengan ini H_1 diterima iaitu terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penglibatan pelajar Kolej Komuniti Seberang Jaya secara aktif dalam bidang kokurikulum mampu menunjukkan pencapaian akademik yang cemerlang. Pelajar yang bergiat

aktif dalam aktiviti di luar bilik kuliah dapat menacatatkan HPNM yang agak tinggi.

16. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatan yang diperolehi daripada kajian yang dilakukan ini didapati tahap penglibatan pelajar Kolej Komuniti Seberang Jaya dalam aktiviti kokurikulum adalah pada tahap sederhana. Item soalan nombor 5 iaitu “sepanjang satu semester saya pasti mengikuti sebanyak tiga atau lebih aktiviti yang dianjurkan oleh kelab/sukan melalui subjek kokurikulum” mencatatkan skor min yang paling rendah daripada kategori sederhana iaitu 2.80. Justeru pihak kolej dan pihak yang berkaitan perlu mengambil inisiatif yang efisien dalam menangani keadaan kurang minat dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Seberang Jaya untuk lebih aktif dalam kegiatan kokurikulum. Terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penglibatan pelajar Kolej Komuniti Seberang Jaya secara aktif dalam bidang kokurikulum dengan pencapaian akademik. Hubungan aktiviti kokurikulum amat jelas dapat memberikan impak yang positif terhadap pencapaian pelajar dari segi akademik. Pembangunan modal insan yang menyeluruh menuntut institusi pengajian tinggi menyediakan pengalaman pembelajaran yang bermakna dan seimbang agar kehidupan di kampus dapat melonjakkan kecemerlangan akademik dan juga perkembangan sahsiah pelajar. Perkara ini dapat disokong melalui modul kokurikulum yang merupakan pelengkap kepada kursus akademik.

17. Cadangan

Berdasarkan kepada hasil dapatan kajian yang telah diperolehi dan dibincangkan, beberapa cadangan telah dibentuk untuk diberi perhatian oleh pihak yang berkaitan sebagai langkah untuk mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran untuk modul kokurikulum ini antaranya:

1. Pihak Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dengan kerjasama pihak Kementerian Belia dan Sukan perlu memperbanyakkan program jangka pendek dan program jangka panjang secara berterusan kepada pensyarah-pensyarah untuk meningkatkan bukan sahaja pengetahuan dan kemahiran, malahan keyakinan pensyarah-pensyarah untuk mengelola program-program tersebut dengan lebih mantap untuk menarik pelajar-pelajar menyertainya.
2. Menyediakan prasarana yang kondusif dan efisien di KKSBJ serta alat kelengkapan dan tempat sukan yang lengkap supaya pengajaran dan pembelajaran modul kokurikulum ini dapat dijalankan dengan lancar.

RUJUKAN

- Ahmad Esa, Mohd Khir Mohd Nor, Nawawi Jusoh, Norashidah Abd Rahman, & Zalinah Salehon. (2015). *Citra Kokurikulum*. (Penerbit UTHM, Ed.). Penerbit UTHM.
- Hanks, M., & Eckland, B. (1976). *Athletics and social participation in the educational attainment in the educational attainment process*. *Sociology of education*, 49, 271-294.
- Jamaludin Haji Badusah, Rosna Awang Hashim, Mohd Majid Konting, Turiman Suandi, Maria Salih & Norhafezah Yusof. (2009). *Pembangunan Pelajar : Memperkasakan Kokurikulum Institusi Pengajian Tinggi*. Penerbit Universiti Putra Malaysia. Selangor.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan Skudai, Johor, Universiti Teknologi Malaysia*.
- Othman, N, Wardatul Aishah, M & Mohd Nasrul Hakim, J. (2016). *Kokurikulum Di Dalam Sistem Pendidikan Di Malaysia : Satu Tinjauan Awal*. UTM Perdana School Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur, Malaysia.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025
- Rosenberg, M. J., & Hovland, C. I. (1960). *Cognitive, affective, and behavioral components of attitudes. Attitude organization and change: An analysis of consistency among attitude components*, 3, 1-14
- [Utusan Malaysia. 2017. Retrieved March 3, 2017, from https://www.utusanborneo.com.my/2017/03/03/fokus-pencapaian-akademik-kokurikulum](https://www.utusanborneo.com.my/2017/03/03/fokus-pencapaian-akademik-kokurikulum)
- Wardatul Aishah & Nooraini Othman. 2014. *Kesedaran sendiri terhadap aktiviti kokurikulum dan keberkesanannya kepada remaja*. e-Proceeding of the Social Sciences Research ICSSR 2014 (e-ISBN 978-967-11768-7-0). 9-10 June 2014, Kota Kinabalu, Sabah, MALAYSIA. Organized by <http://WorldConferences.net>.
- Zainal Ariffin Zainuddin, Yaakob Daud, dan Saiful Azmi Mohd Nor. (2016). *Pengurusan Kokurikulum Dan Tahap Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum Di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Kuala Terengganu*. International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, Universiti Utara Malaysia, Malaysia.

Lampiran

Jadual 12.1 : Skala Likert yang digunakan dalam borang soal selidik

1	Sangat Tidak Setuju (STS)
2	Tidak Setuju (TS)
3	Kurang Setuju (KS)
4	Setuju (S)
5	Sangat Setuju (SS)

Jadual 14.1 Demografi – Jantina

		Bilangan	Peratus
Jantina	Lelaki	63	82.9
	Perempuan	13	17.1
	Total	76	100

Jadual 14.2 Demografi – Umur

		Bilangan	Peratus
Umur	19-20	59	83.3
	21-22	14	14.3
	23-24	3	1.8
	>25	0	0
Total		76	100

Jadual 14.3 Demografi –Program

Program	Bilangan	Peratus
CIO	10	13.2
SKE	47	61.8
DEI	19	25.0
Total	76	100.0

Jadual 14.4 Demografi - Keputusan Peperiksaan

Keputusan	Bilangan	Peratus
3.00-4.00	70	92.1
2.00-2.99	6	7.9
0-1.99	0	0
Total	76	100

Jadual 15.1 Dapatan Kajian Tahap Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum

ITEM	PERNYATAAN	DOMAIN	SKOR MIN
1	Saya pernah menyertai kelab/sukan di bawah subjek kokurikulum.	psikomotor	3.21
2	Saya pernah memegang jawatan dalam sebarang program /aktiviti yang dianjurkan melalui subjek kokurikulum.	psikomotor	2.80
3	Saya selalu menepati masa ketika menghadiri kelab/sukan untuk subjek kokurikulum.	afektif	3.18
4	Saya suka bergiat aktif dalam kelab/sukan yang dianjurkan melalui subjek kokurikulum.	afektif	3.09
5	Sepanjang satu semester saya pasti mengikuti sebanyak tiga atau lebih aktiviti yang dianjurkan oleh kelab/sukan melalui subjek kokurikulum.	psikomotor	2.80
6	Saya dapat mengasah sifat disiplin dalam diri sendiri melalui aktiviti kokurikulum.	kognitif	3.14
7	Saya dapat membina keyakinan diri melalui aktiviti kokurikulum.	kognitif	3.30
8	Saya dapat menguruskan masa sebaik mungkin antara akademik dalam kelas dan aktiviti kokurikulum.	psikomotor	3.21
9	Saya berasa cergas dan rajin untuk mengulangkaji pelajaran di rumah selepas balik dari aktiviti kokurikulum.	afektif	3.00
10	Aktiviti kokurikulum dapat membantu memperbaiki sifat kepimpinan diri.	kognitif	3.21
11	Saya mudah bergaul dengan kawan-kawan	kognitif	3.21

	yang berlainan agama melalui aktiviti kokurikulum.		
12	Saya suka bergerak dalam pasukan ketika sebarang program/aktiviti yang dianjurkan oleh kelab/sukan.	psikomotor	3.26
13	Semenjak bergiat aktif dalam sukan/kelab saya dapat menumpukan sepenuh perhatian terhadap pengajaran pensyarah dalam kelas.	psikomotor	2.91
14	Saya memberi komitmen yang tinggi dari awal sampai hujung pelaksanaan sebarang program/aktiviti kelab/sukan.	psikomotor	3.01
15	Saya mudah menerima teguran pensyarah ketika melaksanakan sebarang aktiviti/program kelab/sukan.	afektif	2.96
16	Saya bertanggungjawab untuk menghantar sebarang tugas atau laporan dalam masa yang ditetapkan oleh pensyarah.	afektif	3.11
17	Saya dapat berdikari dalam kehidupan seharian.	afektif	3.20
18	Aktiviti kokurikulum dapat membina sahsiah diri	kognitif	3.13
19	Melalui aktiviti/program kokurikulum saya dapat mengetengahkan bakat yang terpendam dalam diri.	kognitif	3.14
20	Aktiviti/program anjuran kelab/sukan membolehkan saya berfikir di luar kotak untuk menyelesaikan sesuatu masalah.	kognitif	3.03
21	Saya tidak mudah terjebak dalam kegiatan tidak sihat sebaliknya mengisi masa lapang dengan aktiviti kokurikulum.	afektif	3.28
	SKOR MIN KESELURUHAN		3.10